

**WAKAF TUNAI: SEJARAH, AMALAN DAN CABARAN MASA KINI.** Oleh Razali Othman. 2015. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. ISBN 978-983-49-0139-4.

Berkongsi rezeki sesama manusia merupakan amalan mulia yang digalakkan dalam agama Islam. Malahan, amalan berkongsi rezeki boleh dilaksanakan dengan pelbagai cara seperti mengeluarkan zakat, wakaf dan bersedekah. Sebelum memulakan ulasan buku bertajuk *Wakaf Tunai: Sejarah, Amalan dan Cabaran Masa Kini*, terlebih dahulu definisi dan konsep wakaf tunai akan diperjelaskan. Menurut, (Majlis Agama Islam Johor, 2023) wakaf tunai ialah berwakaf dengan menggunakan wang tunai yang dikumpul di dalam satu tabung amanah di bawah pengurusan nazir yang diamanahkan untuk mengurus wakaf ini bagi tujuan kebajikan dan manfaat ummah. Malahan, menurut (Majlis Agama Islam Johor, 2023) lagi wakaf tunai bahawa para ulama di zaman silam telah menggunakan istilah wakaf ad-darahim atau wakaf ad-dananir iaitu wakaf menggunakan wang dirham atau dinar dalam kehidupan mereka.

Selain itu, secara umumnya wakaf tunai ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengumpulkan dana dari kalangan umat islam yang kemudiannya dapat dimanfaatkan bagi kepentingan pembangunan ummah (Majlis Agama Islam Johor, 2023). Fatwa pensyarian wakaf tunai menurut Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Kuala Terengganu telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam (Majlis Agama Islam Johor, 2023). Tambahan lagi, Imam Az-Zuhri, seorang ulama terkenal dalam ilmu hadith, telah memfatwakan bahawa berwakaf dalam bentuk dinar dan dirham adalah diharuskan bagi tujuan berdakwah, kebajikan ummah dan pendidikan umat islam. Oleh yang demikian, wakaf tunai merupakan sesuatu yang penting dalam pembangunan umat Islam di dunia.

Oleh itu, wakaf tunai bertujuan membantu umat Islam yang kurang berkemampuan meneruskan pendidikan, kehidupan dan memudahkan urusan seharian. Maka, wakaf tunai dilaksanakan dengan matlamat untuk melaksanakan ibadah wakaf secara berkelompok, memberi alternatif kepada umat Islam untuk turut menyumbang ke arah pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam serta melahir juga menzahirkan pembangunan institusi wakaf dengan lebih produktif dan berwibawa (Majlis Agama Islam Johor, 2023). Wakaf tunai berperanan penting dalam komuniti Islam kerana dapat memperbaiki taraf hidup orang yang beragama Islam.

Oleh yang demikian, menurut (Yayasan Waqaf Malaysia, 2023) skim wakaf tunai yang dilaksanakan oleh Yayasan Waqaf Malaysia adalah dana wakaf yang dikumpul kemudiannya ditukar kepada harta kekal yang akan dimanfaatkan untuk kebajikan dan kepentingan masyarakat. Malahan, peranan wakaf tunai bagi komuniti Islam menurut Dr. Murat Cizakca, seorang cendekiawan Islam moden yang terkenal, di dalam bukunya yang bertajuk "*A History of Philanthropic Foundations: the Islamic World From The Seventh Century to the Present*", menyatakan bahawa wakaf tunai telah dipraktikkan sejak awal abad kedua Hijriyah di mana Imam az-Zuhri (wafat 124H), iaitu salah seorang ulama terkemuka dan peletak dasar tadwin al-hadith, memfatwakan bahawa wakaf dinar dan dirham dibolehkan untuk pembangunan prasarana dakwah, sosial dan pendidikan umat Islam (Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen, 2023).

Menurut Dr. Cizakca lagi, mulai penghujung abad ke-15 hingga abad ke-18, wakaf tunai berkembang dengan pesat di Turki semasa zaman pemerintahan Uthmaniyyah di mana amalan wakaf tunai telah berjaya meringankan perbelanjaan kerajaan dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, perbandaran dan sebagainya kepada masyarakat. Penerimaan dan penglibatan masyarakat di dalam wakaf tunai membantu empayar Uthmaniyyah berkembang kerana dana wakaf tunai telah digunakan sebagai pelengkap *complimentary* kepada usaha-usaha pembangunan oleh kerajaan (Yayasan Waqaf Malaysia, 2023). Selain itu, kajian Dr. Cizakca mendapati bahawa wujud sejumlah 1,161 wakaf tunai di Istanbul dalam tempoh 1456 hingga 1551, sementara di Bursa, bandar yang lebih kecil daripada Istanbul, wujud 761 wakaf tunai dalam abad ke-18 (Yayasan Waqaf Malaysia, 2023).

Maka, pelbagai cara berwakaf boleh dilakukan oleh umat Islam untuk membantu memudahkan urusan mereka yang memerlukan. Malahan, dengan berwakaf bukan sahaja seseorang yang berkemampuan boleh menyalurkan hartanya ke landasan yang baik tetapi dapat berkongsi kesenangan bersama mereka yang mengalami kesusahan. Walaupun, pada masa kini amalan wakaf masih lagi kurang mendapat sambutan dan kesedaran tetapi telah ramai ahli akademik yang menyedari kepentingan wakaf. Oleh yang demikian, aktiviti wakaf mula dilaksanakan melalui wakaf-wakaf di masjid, universiti dan lokasi terpilih. Malahan, atrikel, penyelidikan dan buku mula ditulis bagi memberikan pendedahan tentang pentingnya amalan wakaf untuk pembangunan umat Islam.

Oleh yang demikian, buku *Wakaf Tunai: Sejarah, Amalan dan Cabaran Masa Kini* telah diterbitkan pada tahun 2015 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Penulisan buku ini mengandungi sebanyak 231 muka surat bermula bab 1 hingga bab 6. Termasuk bibliografi dan indeks, buku ini mengandungi 274 muka surat. Buku ini mengandungi enam bab utama. Di mana, bab 1 bertajuk *Sejarah dan Perkembangan Institusi Wakaf*, bab 2 bertajuk *Asal Usul dan Pelaksanaan Wakaf Tunai*, bab 3 bertajuk *Amalan dan Pelaksanaan Wakaf Tunai Masa Kini*, bab 4 bertajuk *Penilaian Semula Wang Fiat sebagai Instrumen Wakaf Tunai*, bab 5 bertajuk *Cabaran Menggunakan Wang Fiat sebagai Instrumen Wakaf Tunai Masa Kini* dan bab 6 bertajuk *Kaedah dan Saranan Menguruskan Wakaf yang Menggunakan Wang Fiat sebagai Instrumen*.

Selanjutnya, penulis membincangkan tentang pengenalan berkaitan wakaf. Penulis menjelaskan tentang perkembangan awal kewujudan wakaf di dunia bersandarkan pendapat serta kajian sarjana lepas. Maka, bab 1 adalah pengenalan kemunculan konsep wakaf dalam Islam dan sejarah asal usul wakaf di dunia. Malahan, penulis menggariskan pandangan jumurh ulama tentang tiga prinsip asas kewujudan institusi wakaf. Oleh itu, prinsip muktamad yang menetapkan setiap keputusan untuk berwakaf tidak boleh ditarik balik walau apa cara sekalipun. Hal ini kerana, apabila sesuatu harta telah diwakafkan maka ia telah menjadi pemilikan Allah SWT.

Prinsip kedua adalah kekekalan yang merupakan sesuatu item seperti rumah atau tanah yang bersifat tahan lama dan tidak mudah rosak. Malahan, penulis menjelaskan juga bahawa item seperti makanan dan minuman yang bersifat mudah rosak serta tidak tahan lama tidak boleh dijadikan wakaf. Seterusnya, prinsip ketiga adalah tidak boleh dipindah milik yang merujuk kepada pindah milik harta yang dapat dijual, digadai, diwariskan dan menjadi hibah oleh pewakaf, *mutawalli* dan penerimanya. Hibah didefinisikan sebagai pemberian atas dasar kasih sayang dan sukarela kepada

seseorang semasa pemilik masih lagi hidup. Menurut (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, 2023) menjelaskan hibah dan wasiat merupakan dua instrumen penting dalam perancangan harta menurut undang-undang Islam. Oleh itu, (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, 2023) menjelaskan lagi hibah ialah pemberian harta yang berlaku semasa hidup pemberi hibah, sedangkan wasiat ialah pemberian harta yang berlaku selepas kematian pewasiat.

Selain itu, penulis menggariskan tentang empat sebab mengapa institusi wakaf masih kekal dan diamalkan hingga ke hari ini. Antaranya, pertama adalah kerana amalan berwakaf ini adalah berlandaskan Al-Quran dan Hadis. Kedua, wakaf adalah menjadi ciri dan budaya dalam mempamerkan sikap dermawan dalam agama Islam. Ketiga pula kerana berlakunya kepincangan dalam sistem ekonomi bebas yang lebih dikenali sebagai kapitalis dalam pembangunan kehidupan manusia. Manakala, keempat pula adalah perubahan dan tuntutan semasa yang mendorong pengamal wakaf mengenal pasti, mencari juga membangunkan produk wakaf lain yang bukan sahaja aset tetap. Malah, penulis menghuraikan tentang sejarah kemunculan dan perkembangan wakaf yang meliputi perkembangan di seluruh dunia. Hal ini kerana, penulis memfokuskan kepada pengenalan tentang asal usul wakaf diwujudkan. Selain itu, dalam buku ini diperjelaskan dengan teliti oleh penulis tentang prinsip institui wakaf diwujudkan dan mengapa wakaf masih relevan sepanjang zaman. Di mana perubahan dan perkembangan tersebut yang membawa kepada kepesatan wakaf tunai.

Seterusnya, penulis juga menghuraikan tentang wakaf tunai yang merupakan tajuk utama perbincangan buku *Wakaf Tunai: Sejarah, Amalan dan Cabaran Masa Kini*. Hal ini kerana, wakaf terbahagi kepada wakaf harta yang berbentuk aset dan tunai. Walau bagaimanapun, penulisan buku ini memfokuskan kepada wakaf tunai yang diwakafkan dalam Islam. Oleh yang demikian, keseluruhan bab 2 memfokuskan kepada perdebatan tentang wakaf tunai yang dijalankan melalui kajian sarjana dan pendapat para-para ulama. Malahan, terdapat pandangan ulama tentang wakaf tunai yang boleh dihabiskan berbanding wakaf yang telah dibincangkan sebelum ini. Wakaf tetap adalah tanah, rumah, kedai dan ladang. Maka, timbulnya persoalan dalam pengurusan wakaf yang pertama tentang bagaimanakah wang yang bersifat harta alih boleh diwakafkan? Persoalan kedua adalah bagaimana pula wang tersebut perlu digunakan? Dua soalan tersebut dibincangkan oleh penulis bagi memberikan pencerahan tentang wakaf tunai.

Oleh itu, penulis telah menggariskan lima aspek penting dalam amalan wakaf tunai. Pertama adalah amalan menggunakan wang sebagai kaedah berwakaf atau wakaf tunai yang telah ditemui pertama kali di Erdine, Turki pada tahun 1423, kedua adalah instrumen yang digunakan dalam wakaf tunai seperti wang emas dan wang perak yang dianggap sebagai wakaf tunai. Perkara ketiga adalah penjaan wang dalam wakaf tunai dijalankan dalam dua acara, iaitu dengan cara mengumpulkan sumbangan pewakaf dan wang tersebut dilaburkan. Oleh itu, wang yang dilaburkan itu berfungsi sebagai pemberian pinjaman yang mana peminjam tidak melebihi 20 orang. Hasil keuntungan tersebut akan diagihkan semula kepada pewakaf. Keempat adalah pinjaman yang mengikut sistem perundangan Islam klasik dikenali sebagai *istiglal* mempunyai unsur riba. Rentetan itu, timbul perselisihan yang mengharamkan amalan wakaf tunai yang dianggap bertentangan dengan hukum Islam. Manakala, kelima adalah kesinambungan daripada perselisihan tersebut akhirnya wakaf tunai telah diterima pada tahun 1548.

Kemudian, penulis juga membincangkan tentang amalan dan pelaksanaan yang dijalankan dalam kutipan wakaf tunai ketika ini. Oleh yang demikian, dalam bab ini penulis menjelaskan serba sedikit tentang sejarah kejatuhan dan kemunculan semula wakaf tunai pada zaman pemerintahan kerajaan Uthamaniah pada tahun 1924. Maka, kemunculan wakaf tunai diperjelaskan dengan pelaksanaannya di negara-negara Islam. Oleh itu, penubuhan *Social Investment Bank Limited* (SIBL) di Bangladesh pada 22 November 1995 telah memainkan peranan yang penting dalam kemunculan semula wakaf tunai.

Seterusnya, penulis juga memasukkan pelaksanaan wakaf tunai yang dilaksanakan di negara-negara bukan Islam. Antara negara yang terlibat adalah Amerika Syarikat, United Kindgom, Singapura, India, Afrika Selatan dan China. Oleh yang demikian, wujudnya The Islamic Relief (IR) yang bertujuan mengurangkan penderitaan masyarakat yang miskin dan tidak berkemampuan. Maka, IR telah mensasarkan sebanyak tujuh Skim Dana Wakaf Tunai. Skim tersebut adalah skim wakaf pendidikan, skim wakaf air dan pembentungan, skim wakaf anak-anak yatim, skim wakaf Qurbani, skim wakaf perkhidmatan kesihatan, skim wakaf perkhidmatan kesihatan, kim wakaf bantuan kecemasan serta skim penjanaan pendapatan.

Selain itu, penulis membincangkan dengan terperinci tentang sistem wakaf tunai yang dilaksanakan pada masa kini. Antaranya adalah Saham Wakaf (SW), Wakaf Saham (WS), Wakaf Takaful (WT), Wakaf Tunai Secara Langsung (WTSL), Wakaf Tunai Bergerak (WTB), Wakaf Tunai Wajib (WTW), Wakaf Tunai Korporat (WTKor), Wakaf Tunai Produk Deposit (WTPD), Wakaf Tunai Koperasi (WTKoop), Wakaf Tunai Dana Kerjasama (WTDK) dan Wakaf Tunai Sukuk (MWTS). Oleh yang demikian, terdapat tidak kurang daripada 11 model yang mendominasi wakaf tunai pada masa kini.

Malah, penulis juga menjelaskan dalam bab ini bahawa wujudnya kemungkaran dalam pelaburan, kominasi portfolio yang meliputi harta, tanah, ekuiti dan kewangan. Oleh yang demikian, perkara yang menyebabkan kemungkaran tersebut perlulah dielakkan dalam penglibatan institusi awam dan swasta. Maka, unsur seperti *al-Tanajusy* (manipulasi pasaran), *al-Gharar* (ketidakpastian dari sudut harga, keadaan, penerimaan atau keselamatan), *Tadlis al- 'Aib* (menyembunyikan kecacatan yang terdapat pada barangan), *al-Ghabnu al-Fahisy* (unsur yang dilaku baik oleh pembeli atau penjual untuk mendapatkan keuntungan), *al-Ghalat* (kesilapan oleh penerima akad yang membuat tanggapan salah) dan *al-Maisir* (terdapat unsur perjudian). Hal ini kerana, dalam wakaf tunai perlu dielakkan unsur yang dikaitkan dengan kemungkaran dan riba dalam hukum Islam.

Selanjutnya, penulis membincangkan tentang penilaian semula yang dijalankan terhadap penggunaan wang *Fiat* sebagai instrumen wakaf tunai. Penulis menekankan lima sebab mengapa definisi wang perlu dinilai dan diperjelaskan semula. Hal ini kerana, pada masa kini wang tunai digunakan untuk tujuan wakaf jika dibandingkan dengan penggunaan wang emas dan perak suatu ketika dahulu. Oleh itu, sebab pertama adalah takrifan wang oleh dalam kalangan ahli akademik bidang ekonomi dan kewangan masih belum menemukan kesepakatan. Kedua, perbincangan tentang wang dalam kalangan pakar bidang tidak menjurus kepada aspek ekonomi dan sejarah yang khusus. Ketiga, terdapat pendapat yang mendakwa bahawa penggunaan wang *Fiat* bagi tujuan wakaf tunai tidak menepati syariat Islam. Keempat, penggunaan wang *Fiat* menimbulkan kerumitan dalam sistem kewangan dan ekonomi. Kemudian, kelima adalah perbincangan dalam

kalangan sarjana yang menggunakan bahasa Inggeris jarang menyentuh tentang isu perak dan emas.

Rentetan itu, penulis membincangkan tentang pengertian wang dalam bab ini. Antara pengertian wang yang dibincangkan adalah pengertian wang dari perspektif atau sudut pandang etimologi serta pengertian wang dari perspektif ekonomi juga kewangan. Malahan, penulis turut membincangkan dengan lebih terperinci tentang fungsi wang. Antara fungsi wang yang diuraikan adalah wang sebagai media pertukaran, wang sebagai alat pengukur nilai, wang sebagai alat penyimpan nilai juga wang sebagai alat bayaran tertunda. Selain itu, penulis membawa perbincangan pengertian wang dari sudut pandang Islam. Hal ini kerana, pengertian melalui perspektif Islam adalah berdasarkan al-Quran dan al-Hadith. Maka, terdapat empat aspek yang diungkapkan dalam Islam berkaitan kedudukan wang menurut sarjana. Di mana, pertama adalah dinar dan dirham sebagai unit wang. Kedua, fungsi wang sebagai alat ukuran nilai. Ketiga, kaedah pengiraan mata wang. Kemudian, keempat adalah larangan mengurangkan timbangan mata wang.

Melalui penulisan buku ini penulis membincangkan dengan lebih lanjut tentang konsep dan penggunaan wang dari perspektif Islam. Tambahan lagi, terdapat perselisihan pendapat mengenai penggunaan wang emas dan perak. Hal ni berlaku kerana terdapat dua kumpulan ahli akademik yang mempunyai pandangan berbeza tentang penggunaan emas dan perak sebagai wang. Seterusnya, penulis membawa perbincangan dalam bab ini tentang perselisihan pendapat mengenai penggunaan wang *Fiat* yang bersandar kepada *legal tender* yang ditentukan oleh kuasa pasaran. Melalui bab ini, penulis telah menyampaikan dengan baik tentang istilah wang, konsep dan perselisihan yang berlaku. Malahan, penulis menyentuh sejarah tentang wang yang membawa kepada penggunaan wang *Fiat* daripada asal usul penggunaan perak serta emas.

Tuntasnya, dalam buku *Wakaf Tunai: Sejarah, Amalan dan Cabaran Masa Kini* merupakan penulisan ilmiah yang berkisar tentang aktiviti wakaf yang dilaksanakan secara tunai oleh individu yang terlibat. Malah, sejarah asal usul bagaimana wakaf tunai diperincikan untuk membuka mata pembaca agar lebih memahami permulaannya. Selain itu, penulisan ini bukan sahaja bertujuan memberikan fokus untuk menjelaskan tentang wakaf tunai sahaja tetapi melebihi aspek isi utamanya. Dalam buku ini juga penulis menjelaskan pentingnya amalan dalam menjalankan wakaf tunai serta cabaran yang perlu dilalui dalam zaman serba moden ini. Oleh itu, karya ini mempunyai kekuatan dalam penjelasan secara terperinci tentang amalan berwakaf yang diuraikan dengan teliti merangkumi zaman dan pelaksanaannya. Malah, fokus utama penulis adalah menjelaskan secara ilmiah tentang wakaf yang dilaksanakan dalam bentuk tunai dengan teliti.

## Rujukan

- Razali Othman. 2015. *Wakaf Tunai: Sejarah, Amalan dan Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. 2023. *Konsep Wakaf Tunai*. <https://www.maij.gov.my/>
- Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen. 2023. *Wakaf Sumber Pembangunan Ummah*. <https://wazan.upm.edu.my/>

Yayasan Waqaf Malaysia. 2023. *Wakaf di Malaysia*. <https://www.ywm.gov.my/>

Jabatan Kehamikan Syariah Negeri Kelantan. 2023. *Hibah*. <http://kelantan.jksm.gov.my/>

**Siti Noridayu Abd. Nasir**

**Hazlina Abdul Halim**

Universiti Putra Malaysia